

CERPEN SEBAGAI KRITIK SOSIAL

Berdasar Kepada Sepuluh Tahun Cerpen Dalam Dewan Masyarakat
September, 1963 Hingga Ogos, 1973

oleh

MOHAMED NOORI BIN HAJI ISMAIL

Untuk Keperluan

Latihan Ilmiah

Di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiann


Universiti Sains Malaysia

Pulau Pinang

1977/1978

Cerpen

*sebagai
Kritik Sosial*



sekitar

10 tahun

Dewan

MAJALAH KEBUDAYAAN DAN PENGETAHUAN



MASHARAKAT

III

SYNOPSIS

The title of this academic exercise is "Short Stories as Social Criticism". In executing this particular study, I have utilised 88 short stories, written by 54 authors, that were published in the Dewan Masyarakat for ten consecutive years from September, 1963 until August, 1973.

During this ten-year period, many important events took place in Malaysia. These events are very important in the light of Malaysia's progress in the political, social and economic fields. As an independent nation, Malaysia has much to contribute towards the welfare and well-being of its people. It is realised that social criticism can, to a certain extent, play its role in achieving these goals. Therefore this academic exercise is an attempt to examine the various aspects of social criticism that can be drawn from the short stories under review.

For this purpose, I have divided the study into five chapters. The First Chapter deals with the concept and theories of social criticism. In fact, it emphasises the development of social criticism in literature from a historical point of view. It also attempts to discuss the function of literature in relation to social criticism to the extent of finding out its influence on societies. This chapter discusses in particular the role that short stories can play as a medium of social criticism.

IV

The Second Chapter is concerned with the development of social criticism in Malaysia itself, thus narrowing down the scope of discussion on social criticism by confining it to the role of short stories as a medium of social criticism in Malaysia.

The Third Chapter is devoted to the discussion of the role of "Dewan Bahasa dan Pustaka" in the development of language and literary works in this country. In this respect, "Dewan Bahasa dan Pustaka" plays a very important role because the selection of short stories for the Dewan Masyarakat is done by this institution. Besides this, Dewan Bahasa dan Pustaka publishes monthly periodicals like Dewan Sastera, Dewan Pelajar and Dewan Bahasa. Each of these periodicals has its own column for short stories. Thus it is realised that "Dewan Bahasa dan Pustaka" becomes an important centre in determining the classification of short stories to its various periodicals.

The Fourth Chapter which is the core chapter of this academic exercise deals with the exposition of the various aspects of social criticism that can be drawn from the short stories. I have classified these aspects into six main topics: the social, political, economic, religious, moral and educational aspects. Each of these main aspects is further divided into smaller elements such as poverty, vice, interference of politicians in government administration, exploitation by capitalist, irregularities in government departments, and the Indonesian confrontation. In this chapter I have examined in depth the motives and

motivations of the various authors in their literary works. Not all short stories have been analysed here, but the majority of the short stories which I have dealt with here are representatives of the various aspects of social criticism which I have outlined above.

In the Fifth Chapter or the conclusion, I have given my evaluation as to the extent these short sotries reflect the social milieu of the societies during the period under review. This chapter also gives the summary of the world-view and motivations of the various authors in their literary works.

VI

KANDUNGAN

		Halaman
SINGKAPIS		III
KANDUNGAN		VI
PENGHARGAAN		XI
PENDAHULUAN		XVI
BAB I	1. <u>KRITIK SOSIAL</u>	1
	1.1 Apa dia Kritik Sosial?	1
	1.2 Kesusasteraan Sebagai Sosial	5
	1.3 Cerpen Sebagai Kritik Sosial	13
BAB II	2. <u>KRITIK SOSIAL DI MALAYSIA</u>	16
	2.1 Sastera Sebagai Kritik Sosial Di Malaysia	16
	2.2 Cerpen Sebagai Kritik Sosial Di Malaysia	24
BAB III	3. <u>PERANAN DEWAN MASYARAKAT DAN PUSTAKA</u>	34
	3.1 Dewan Masyarakat Sebagai Media Kritik Sosial	36
	3.2 Aspek Ruangan Cerpen Dalam Dewan Masyarakat	41
BAB IV	4. <u>ASPEK-ASPEK KRITIK SOSIAL DALAM CERITA-CERITA DEWAN MASYARAKAT</u>	45
	4.1 Aspek Sosial	48
	4.2 Aspek Politik	79

VII

	Halaman
4.3 Aspek Keugamaan	96
4.4 Aspek Moral	105
4.5 Aspek Pendidikan	125
4.6 Aspek Ekonomi	128
 BAB V	
5. <u>KERJIBULAN</u>	134
5.1 Sejauh Manakah Cerpen Dewan Masyarakat Mencerminkan Realiti Sosial?	138
5.2 Sikap Pengarang-Pengarang Cerpen Dewan Masyarakat	148
 BIBLIOGRAFI	154
 LAMPIRAN	
I Cerpen-Cerpen Majalah Dewan Masyarakat, September 1963 - Ogos 1973 Mengikut Siaran.	160
II Senarai Cerpen-Cerpen Dewan Masyarakat yang di Kaji dalam tempoh Sepuluh tahun - September, 1963 hingga Ogos, 1973 Mengikut Pengarang.	166
III Cerpen-Cerpen Yang Membawa Kritik Sosial dari Aspek Sosial.	172

VIII

	Halaman
LAMPIRAN	
IIIA	Cerpen-Cerpen Yang Membawa Kritik Sosial dari Aspek Politik 174
IIIB	Cerpen-Cerpen Yang Membawa Kritik Sosial Dari Aspek Keagamaan 175
IIIC	Cerpen-Cerpen Yang Membawa Kritik Sosial Dari Aspek Moral 176
IIID	Cerpen-Cerpen Yang Membawa Kritik Sosial Dari Aspek Pendidikan 178
IIIE	Cerpen-Cerpen Yang Membawa Kritik Sosial Dari Aspek Ekonomi 179
IV	Pembahagian Cerpen Kepada Aspek- Aspek Kritik Sosial Mengikut Pengarang 180
V	Pembahagian Cerpen Kepada Aspek Kritik Sosial Mengikut Tahun 183
VI	Surat Kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Mengenai Soal Kaji Selidik 184
VIA	Soalan Kaji Selidik 185
VII	Surat Dari Dewan Bahasa dan Pustaka 188
VIIA	Jawapan Kepada Soal Kaji Selidik Mengenai Dewan Bahasa dan Pustaka, di Khaskan Terhadap Dewan Masyarakat 189

SENARAI JADUAL

<u>JADUAL</u>		Halaman
I	Perbandingan Cerpen-Cerpen Dewan Masyarakat Dengan Cerpen-Cerpen Dewan Bahasa dari Segi Persoalan	152

SENARAI RAJAH

<u>RAJAH</u>		Halaman
I	Graf Menunjukkan Pembahagian Cerpen-Cerpen Kepada Aspek-Aspek Kritik Sosial	46
II	Pembahagian Aspek-Aspek Kritik Sosial Mengikut Peratus	47
III	Pemecahan Aspek Sosial Kepada Beberapa Persoalan Kecil	49
IV	Graf Menunjukkan Tahun-Tahun Yang Membicarakan Kritik Sosial Dari Aspek Sosial	78
V	Pemecahan Aspek Politik Kepada Persoalan Kecil	79

<u>RAJAH</u>		Halaman
VI	Graf Menunjukkan Tahun-Tahun Yang Membicarakan Kritik Sosial Dari Aspek Politik	95
VII	Pemecahan Aspek Keugamaan Kepada Persoalan Kecil	96
VIII	Graf Menunjukkan Tahun-Tahun Yang Membicarakan Kritik Sosial Dari Aspek Keugamaan	104
IX	Pemecahan Aspek Moral Kepada Beberapa Persoalan Kecil	106
X	Graf Menunjukkan Tahun-Tahun Yang Membicarakan Kritik Sosial Dari Aspek Moral	124
XI	Pemecahan Aspek Pendidikan Kepada Persoalan Kecil	126
XII	Graf Menunjukkan Tahun-Tahun Yang Membicarakan Kritik Sosial Dari Aspek Pendidikan	127
XIII	Pemecahan Aspek Ekonomi Kepada Persoalan Kecil	128
XIV	Graf Menunjukkan Tahun-Tahun Yang Membicarakan Kritik Sosial Dari Aspek Ekonomi	133

1. PENDAHULUAN

Bismillahir Rahmanir Rahim

Bersyukur saya ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan kudrat dan hidayahNya dapat saya menyiapkan Latihan Ilmiah ini dengan sempurna.

Kajian singkat mengenai Cerpen Sebagai Kritik Sosial berdasarkan kepada sepuluh tahun cerpen dalam Bulan Masyarakat mulai September, 1963 hingga Ogos, 1973 adalah untuk memenuhi keperluan dua Kursus - HLP 336 - Academic Exercise, dalam bahagian Kesusastraan di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Kursus ini adalah salah satu kursus yang disediakan bagi Bidang Akademik 1977/1978.

Dalam menyempurnakan Latihan Ilmiah ini saya amat berterima-kasih kepada Encik Shahnun Ahmad, Timbalan Pekan Ilmu Kemanusiaan yang sanggup menjadi penyelia kertas ini. Beliau banyak sekali membantu saya dengan galakan, nasihat, dan bimbingan yang manfaat. Di samping itu saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada Profesor C. Skinner kerana nasihatnya, dan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka terutamanya kepada Encik Mohd. Noor Azam, Encik Mubalan Masri dan Wan Omar bin Wan Ahmad kerana pertolongan mereka untuk menyiapkan Latihan Ilmiah ini.

Adalah diharapkan dengan kajian yang pendek ini akan dapat memberi sumbangan kepada ilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang kesusasteraan Melayu moden.

Mohamed Noori bin Haji Ismail

Blok 44,
UniversitiAINS Malaysia,
Pulau Pinang.
Februari, 1978.

PENDAHULUAN

Latihan Ilmiah ini ditulis dengan tujuan untuk mengkaji aspek-aspek kritik sosial yang terdapat dalam cerpen-cerpen Dewan Masyarakat dalam tempoh sepuluh tahun, mulai bulan September 1963 hingga bulan Ogos 1973. Dalam tempoh sepuluh tahun itu terdapat 88 buah cerpen dikarang oleh 54 orang cerpenis. Jumlah ini tidak termasuk cerpen-cerpen terjemahan, fragmen novel, cerpen yang berlatarbelakangkan luar negeri dan cerpen berbentuk pengembaraan untuk kanak-kanak karya Ahmad Kamar.

Kritik sosial merupakan salah satu cara untuk memperbaiki, membangun, mengajar dan mengubah cara berfikir masyarakat. Masyarakat di Malaysia, terutamanya masyarakat Melayu, sedang menempuh satu zaman baharu yang penuh dengan persaingan dan cabaran dalam sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Masyarakat Melayu menghadapi pertarungan hebat dalam bidang ekonomi, politik dan sosial dengan bangsa-bangsa bukan Melayu yang menjadi komponen masyarakat majmuk di negara ini.

Sehingga kini Malaysia sudah 21 tahun berdaulat. Dalam tahap kehidupan manusia, peringkat umur 21 tahun merupakan tahap kedewasaan. Dengan lain perkataan Malaysia juga sudah sampai ke peringkat dewasa. Bagi saya, kedewasaan Malaysia dan masyarakatnya tidak begitu penting. Yang penting sekali ialah persediaan masyarakat, terutama masyarakat Melayu, untuk melengkapkan diri semasa dalam peringkat pancaruba bagi memasuki tahap kedewasaan itu.

Saya kira persediaan itu penting kerana kalau masyarakat Melayu memasuki zaman kedewasaannya tanpa kelengkapan lahiriah dan batiniah yang cukup dan sempurna, mereka dianggap tidak matang dan belum sempurna kedewasaannya. Dengan lain perkataan Malaysia menghadapi berbagai-bagai masalah dalam usaha rakyatnya mengisi kemerdekaan. Matlamat kemerdekaan bukanlah untuk membebaskan diri dari belenggu penjajahan Inggeris semata-mata. Malah ianya merupakan perjuangan fizikal dan rohaniah rakyat untuk bangun sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain yang juga merdeka dan berdaulat dalam dunia ini.

Sebagai sebuah negara yang muda dan membangun, Malaysia tidak sunyi daripada pergolakan masyarakatnya. Pergolakan masyarakat dalam bentuk sosial, moral, politik, ekonomi dan ugama biasanya menyentuh urat saraf dan kepekaan para seniman yang juga menjadi anggota masyarakatnya.

Dalam sesebuah negara, peranan para seniman memang penting dan tidak boleh diperkecilkan. Mereka dianggap sebagai "guru" bagi masyarakatnya, pejuang zamannya dan "pemimpin dan pembentuk zamannya". Syed Nasir bin Ismail dalam bukunya Penulis berkata:

Peranan dan tanggungjawab penulis ialah menimbulkan kesedaran itu dalam karya-karyanya yang bermutu sastera. Dan ini adalah hasil dari pemerhatian yang teliti, kritikal dan berdasarkan ilmu pengetahuan yang benar terhadap kehidupan berbagai orang
.....¹

¹ Syed Nasir bin Ismail, Penulis, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1960, Hal, 15.

Tahun-tahun 60an dan 70an diguna sebagai latar kajian ini kerana dalam tempoh sepuluh tahun itu banyak peristiwa-peristiwa yang penting berlaku. Peristiwa-peristiwa seperti 13 Mei, konfrontasi, berbagai-bagai rancangan pembangunan - Rancangan Pembangunan Luar Bandar, Rancangan Malaysia - sangat-sangat mempengaruhi masyarakat. Dalam keadaan masyarakat menghadapi pembangunan ini, timbul pula pengaruh peradaban barat meresapi ke dalam masyarakat Melayu sehingga tergugat norma-norma dan nilai kebudayaan kita.

Gejala kepincangan dan penyelewengan dalam masyarakat dilihat, dirasai dan dialami oleh para seniman, dan mereka menterapkannya ke dalam bentuk karya seni seperti novel, cerpen, puisi dan drama. Karya sastera ini yang muncul dari kreatif imajinatif pengarang boleh menjadi pendorong dan rangsangan yang kuat kepada masyarakat sebagai daya penggerak untuk sebarang perubahan. Jadi kajian ini akan memperlihatkan sejauh mana sastera dalam bentuk cerpen dapat memainkan fungsinya sebagai kritik sosial.

Cerpen-cerpen yang dimaksudkan untuk pengajaran masyarakat lazimnya disiarkan melalui majalah-majalah dan akhbar-akhbar. Dalam Latihan Ilmiah ini saya mengguna majalah Dewan Masyarakat kerana, sehingga ini, belum ada sebarang kajian dibuat mengenai cerpen-cerpen Dewan Masyarakat. Di samping itu Dewan Masyarakat mempunyai pengedaran yang luas, dan dibaca oleh segenap lapisan masyarakat yang boleh membaca. Dengan demikian pengedarannya boleh dikatakan menyeluruh.

Dalam menyelenggarakan kajian ini saya telah membahagikannya kepada lima bab. Bab pertama berkaitan dengan penerangan konsep dan teori kritik sosial dalam hubungan perkembangan sejarah kesusasteraan. Fungsi sastera dan cerpen sebagai kritik sosial secara umum juga dibicarakan dalam bab ini.

Bab kedua pula membincangkan kritik sosial di Malaysia. Dengan demikian mempersempitkan perbincangan kritikan kepada fungsi cerpen sebagai kritik sosial di Malaysia sahaja.

Bab ketiga dikhaskan kepada aspek Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tugasnya untuk meninggikan dan mendaulatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa resmi negara ini. Selain daripada itu, Dewan Bahasa dan Pustaka, dalam usaha memperkayakan sastera Melayu, menerbitkan beberapa majalah bulanan seperti Dewan Bahasa, Dewan Pelajar dan Dewan Sastera. Tiap-tiap sebuah majalah itu mempunyai ruang cerpennya sendiri. Oleh itu Dewan Bahasa dan Pustaka dianggap sebagai pusat yang penting untuk memilih cerpen bagi majalah keluarannya.

Bab keempat sebagai bab yang terpenting mendedahkan berbagai-bagai aspek kritik sosial yang dapat dianalisis daripada cerpen-cerpen itu. Saya telah membahagikan aspek-aspek kritik sosial itu kepada enam topik yang pokok seperti aspek-aspek sosial, politik, ekonomi, keagamaan, moral dan pendidikan. Tiap-tiap satu aspek ini dipecahkan pula kepada beberapa ciri-ciri yang

kecil seperti kemiskinan, maksiat, campurtangan ahli politik dalam pentadbiran kerajaan, penindasan golongan kapitalis, penyelewengan dalam jentera kerajaan, konfrontasi Indonesia terhadap Malaysia dan sebagainya. Dalam bab ini juga saya telah menganalisa tentang motif dan motivasi pengarang-pengarang dalam karya seni mereka. Walau bagaimanapun bukan semua cerpen itu dapat dianalisa, tetapi cerpen-cerpen yang telah dianalisa itu adalah mewakili berbagai-bagai aspek kritik yang disebut di atas.

Dalam bab kelima, iaitu kesimpulan, saya membicarakan pendapat dan penilaian saya sejauh mana cerpen-cerpen Dewan Masyarakat mencerminkan keadaan masyarakat yang sebenarnya bagi tempoh kajian ini dibuat. Dalam bab ini juga dibincangkan world-view dan motivasi pengarang-pengarang dalam karya seni mereka.